SEG/SICT/ACA/COVID-19/20012021

PEKELILING AKADEMIK
KOLEJ ANTARABANGSA TEKNOLOGI SPEKTRUM

PEMAKLUMAN

PENANGGUHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SECARA FIZIKAL / BERSEMUKA SEMESTER FEBRUARI – APRIL 2021

Pihak pengurusan akademik Kolej Antarabangsa Teknologi Spektrum (KATS) telah memutuskan bagi menangguhkan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara fizikal atau bersemuka pada semester akan datang iaitu Februari 2021 hingga April 2021.

Keputusan ini adalah berdasarkan trend kes jangkitan Covid-19 yang semakin meningkat kebelakangan ini. Bahkan, kenyataan media daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga mencadangkan kepada semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) supaya menangguhkan program atau aktiviti yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

Oleh itu, demi memelihara kesejahteraan dan keselamatan semua pihak, sistem P&P di KATS akan diteruskan dengan kelas di atas talian *(online)* menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* pada semester Februari 2021 hingga April 2021.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pengurusan Akademik di talian 03-5885 3891 atau info@spectrum.edu.my.

Sekian.

En. Syed Mohammad Jamal
Ketua Akademik
Kolej Antarabangsa Teknologi Spektrum

20 Januari 2021